

16 JUL 1999

SAR-Muzakarah

SAR: DAPATKAN PERSETUJUAN SEBELUM AMBIL ALIH, KATA NGO

ALOR SETAR, 16 Julai (Bernama) -- Teras Pengupayaan Melayu (Teras), sebuah pertubuhan bukan kerajaan, mencadangkan Kementerian Pendidikan supaya memberi pilihan kepada pengurusan sekolah agama rakyat (SAR) sama ada mereka bersetuju dengan langkah pengambilalihan sekolah itu.

Presiden Teras Mohamed Azmi Abdul Hamid berkata bagi SAR yang setuju dengan langkah itu, kementerian boleh meletakkan mereka di bawah pengurusannya sementara bagi yang membantah, mereka perlu dibenarkan berjalan dengan sistem diamalkan sekarang.

Katanya cadangan itu adalah jalan penyelesaian adil dan terbaik berikutan timbulnya tentangan beberapa pihak yang tidak bersetuju dengan usaha kerajaan mengambil alih sekolah jenis itu di seluruh negara.

"Beri pilihan sama ada mereka hendak atau tidak, amalkan sistem yang akan dilaksanakan itu," katanya kepada pemberita selepas menyertai muzakarah membincangkan isu pengambilalihan SAR yang diadakan di Sekolah Menengah Agama Taufiqiyyah Al-Khairiyah Al-Halimiyyah, Padang Lumat, dekat sini. hari ini.

Teras, yang merupakan antara NGO yang menyertai muzakarah itu, adalah sebuah badan yang menjalankan aktiviti penyelidikan, pendidikan, penerbitan, latihan dan penggembelangan orang Melayu.

Muzakarah itu disertai pihak pengurusan 26 SAR dari seluruh Kedah dan NGO seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Persatuan Ulama Kedah, Jemaah Islah Malaysia dan Gabungan Maahad Agama Rakyat Se-Malaysia.

Pengerusi Sekreteriat muzakarah, Abu Bakar Awang berkata para peserta sepakat menuntut kerajaan membatalkan langkah mengambilalih SAR serta tidak memandang serong kepada SAR dengan mengaitkannya dengan parti politik tertentu.

Selain itu mereka mahu kerajaan terus menyalurkan bantuan tetapi tidak mengikat dengan syarat tertentu, memberi kebebasannya berdikari dengan sistem pengajaran, pengurusan dan kepimpinannya tersendiri serta menyediakan skim bantuan khas bagi memudahkan pelajar menyambung pengajian ke luar negara.

Beliau berkata satu memorandum membantah cadangan pengambilalihan SAR sedang dirangka dan akan diserahkan kepada Sultan Kedah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan Majlis Agama Islam Kedah (MAIK).

Ditanya pemberita tindakan mereka sekiranya kerajaan meneruskan langkah mengambilalih SAR, Abu Bakar merangkap Yang Dipertua Persatuan Ulama Kedah berkata mereka akan melihat dari segi undang-undang bagi memohon perintah mahkamah menghalang langkah itu.

-- BERNAMA

MZM RON